

# JURNAL HUKUM

---

*Jamadilakhir 1435 / April 2014*

---

## RENCANA

- Penggunaan Kalimah 'Allah': Satu Analisa Sejarah dari Perspektif Hukum Syarak 1-13  
*Oleh Prof. Madya Dr.Solehah Yaacob<sup>1</sup>*

## LAPORAN KES

- |   |                                  |                        |
|---|----------------------------------|------------------------|
| Abdul Kahar bin Ahmad<br><i>lwn</i> Ketua Pendakwa Syarie Selangor                | MRyS Selangor<br>6/3/2012        | 15-38                  |
| Kamaruzzaman bin Umar<br><i>lwn</i> Rashidah bt. Mohd Rashid                      | MryS NS<br>22/3/2102             | 39- 62<br>- 71<br>- 72 |
| Aiyuhanil bt. Mohd Ali<br><i>lwn</i> Mohd Ilihdzan bin Mohd Ali<br>& Seorang Lagi | MryS NS<br>21/9/2012             | 63-80                  |
| Hamzah bin Omar<br><i>lwn</i> Haslina bt. Halim                                   | MryS Perlis<br>30/9/2013         | 81-89                  |
| Hayati binti Hamid<br><i>lwn</i> Mohrin bin Jonid                                 | MRySWP<br>12/11/2013             | 90-98                  |
| Wan Sofira Eliza bt Wán Yusuf<br><i>lwn</i> Alvin Bertig Hussein Forsberg         | MRyS Selangor<br>11/10/2012      | 99-106                 |
| Mohd Suhaimi bin Khalil<br><i>lwn</i> Norisma binti Ismail                        | MRyS Selangor<br>10/1/12         | 107-113                |
| Hafsah binti Hashim<br><i>lwn</i> Fazil Shuhaimi bin Haji Tali                    | (MTS Johor-<br>Unknown           | 114-120                |
| Karmeerah bt Syed Sultan<br><i>lwn</i> Syed Ahmad bin Abdul Kader & Ors.          | (MTS PPinang-21/5/13)<br>YA Zaim | 121-149                |
-

# Penggunaan Kalimah `Allah`: Satu Analisa Sejarah dari Perspektif Hukum Syarak

Prof. Madya Dr.Solehah Yaacob<sup>1</sup>  
Jabatan Bahasa Arab & Kesusasteraan  
Universiti Islam Antarangsa Malaysia  
&

Dr.Adli Yaacob  
Jabatan Bahasa Arab & Kesusasteraan  
Universiti Islam Antarangsa Malaysia


& Baharuddin Yaacob  
Jabatan Kehakiman dan Syariah Malaysia

## Pengenalan

Isu kalimah `Allah` masih belum reda walaupun pihak Mahkamah telah membuat keputusan yang muktamad. Untuk menjelaskan isu ini dengan lebih terperinci terhadap kalimah `Allah` pendekatan linguistik Nahu Arab perlu diperbahaskan. Ibnu Manzur dalam kitabnya Lisan al-Arab telah membincangkan makna Kalimah Allah ini dengan panjang lebar. Perkataan `Allah` pada hakikatnya berasal dari perkataan **إِلَٰه** berasal dari wazan **فَعَالٌ** yang kemudian berubah ke wazan **مَفْعُولٌ** atau **مَالُوَةٌ** bermakna yang disembah<sup>1</sup>. Adapun Arab Jahiliyah telah menggunakan perkataan **لَٰهُ** dengan membuang perkataan `Lam` kedua pada kalimah Allah, kerana kalimah Allah ini mempunyai tiga huruf `Lam` sebagaimana analisa dibawah ini:

---

<sup>1</sup> Email: solehah71@gmail.com



`Lam` yang pertama itu dikenali sebagai `al-Lam al-Takrif`, yang kedua pula disebut sebagai `Lam al-Jar`. Jadi dengan jelas perkataan asalnya ialah **له** kerana `Lam` yang ketiga itu bacaannya panjang atau dimadkan. Manakala **إله** pula apabila dikekalkan huruf Hamza (sebelum huruf `Lam (1) yang pertama) pada kalimah **الله** itu. Kemudiannya diidghamkan(dimasukkan `Lam` (2) iaitu Lam al-Jar ke dalam `Lam` (3) iaitu Lam al-Asal. maka akan kelihatan hanya mempunyai dua `Lam` sahaja iaitu `Lam (3)(Huruf `Lam` Asal) dan `Lam` (1) (Huruf `al-Lam al-Takrif atau pun dikenali sebagai `Lam` pengenalan).

Terdapat dalil-dalil yang jelas tentang perbezaan penggunaan `Laahun` di kalangan Arab Jahiliyah. Diriwayatkan oleh Abu Zaid bahawa al-Kisaai telah meriwayatkan kepadanya:

”أَلَفْتُ كِتَابًا فِي مَعَانِي الْقُرْآنِ، فَقُلْتُ لَهُ: أَسَمِعْتُ الْحَمْدَ لِإِلَهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ؟، فَقَالَ: لَا، فَقُلْتُ: أَسْمَعُهَا”<sup>2</sup>.

Bermaksud:

(Kisaa' telah berkata: *Aku telah mengarang buku tafsir tentang makna al-Quran*, maka kata Abu Zaid, aku menjawab kepadanya: *Alhamdu Laahi Rabbi al-Aalamin*. Lantas Kisaa' berkata: *Bukan*. Lantas aku menjawab lagi kata Abu Zaid: *Aku telah mendengar mereka (Arab Jahiliyah) telah berkata begitu*).

Dari kisah ini, al-Azhari telah menegaskan bahawa:

لا يجوز في القرآن إلا الحمد لله بمدة اللام ، وإنما يُقرأ ما حكاه أبو زيد الأعرابي ومن لا يعرف سنة القرآن<sup>3</sup>

Bermaksud:

(Tidak harus *(tidak boleh)* menggunakan perkataan lain seperti **إله** dan sebagainya di dalam al-Quran MELAINKAN perkataan *'Allah'* sahaja, adapun bacaan Abu Zaid **إله** berdasarkan hikayat yang didengarnya dari orang-orang Arab Jahiliyah, padahal mereka tidak mengetahui cara susunan teknik metod al-Quran).

Kenyataan ini telah diperkukuhkan oleh Abu al-Haytham yang berpendapat bahawa kalimah **الله** itu berasal dari **إله**. Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Mukminun ayat 91:

(ما اتخذ الله من ولد وما كان معه من إله إذا لذهب كل إله بما خلق ولعلنا بعضهم على بعض سبحانه الله عما يصفون )

Al-Laithy berpendapat perkataan Tuhan semesta alam adalah *'Allah'* namun di dalam ayat tersebut dibaca **إله** menunjukkan makna tuhan yang satu iaitu **الله**. Ini bermakna jika kalimah **الله** dibaca **إله** di dalam mana-mana ayat al-Quran memberi makna **الله** iaitu tuhan yang satu BUKAN yang digunakan atau dimaksudkan oleh orang-orang Arab Jahiliyah.

Dari keterangan di atas jelaslah orang-orang Arab Jahiliyah tidak sama sekali menggunakan perkataan **الله** bagi menunjukkan nama tuhan-tuhan mereka. Perkataan yang biasa digunakan oleh mereka adalah **الالهة** manakala jamaknya **الالهة** sebagaimana firman Allah dalam surah Al-'Araf 127:

(ويذكر وآلهتك)

Manakala Ibn Abbas membacanya dengan:

<sup>4</sup>(ويذكر وآلهتك).

Huruf-huruf yang digunakan untuk menunjukkan nama-nama tuhan mereka juga menggunakan huruf-huruf yang sama dengan kalimah `Allah` iaitu Lam (ل), Ha` (هـ), Hamza (أ) dan Ta` (ت) tertutup (ة) bukan bermakna mempunyai maksud yang sama dengan kalimah `Allah`. Ini kerana huruf-huruf ini juga boleh digunakan terhadap perkataan-perkataan yang lain seperti هل dalam Bahasa Melayu bermaksud `adakah` begitu juga له bermaksud `baginya iaitu untuk seorang lelaki` begitu juga perkataan أهل bermaksud `keluarga`. Maka jelaslah penggunaan yang begini merupakan suatu yang amat biasa dalam kontek perkembangan sesuatu Bahasa. Ahli linguistik berpendapat sekecil-kecil Bahasa yang terdapat di atas muka bumi ini ialah bunyi (sound) atau dikenali sebagai Fonem. Di sini penulis mengemukakan dua contoh tulisan tua zaman dahulukala iaitu `Tulisan Musnad`<sup>5</sup> yang digunakan oleh orang-orang Akkadiyah di Iraq (lembah Mesopotamia):




Ini pula `Tulisan Nabatiah`<sup>6</sup> di bahagian utara Mesopotamia:




כ	ס	ט	ח	ז	ו	ה	ד	ג	ב	א
k	y	t	h	z	w	h	d	g	b	.
ת	ש	ר	ק	פ	צ	י	ח	נ	מ	ל
t	š	r	q	p	.	s	n	m	l	

Jika dilihat dari tulisan ini maka perkataan 'الله' sukar untuk terbentuk, jika terdapat bentuk menyerupaiNya pun ia bukan bermaksud kalimah 'الله'.Dibawah ini contoh tulisan tertua Bahasa Arab bertarikh 267 A.D<sup>7</sup>:

ذ قبر و صنعه كعبو بر  
 حرثت لرقوش برت  
 عبدمنتو امه وهي  
 هلكت في الحجرو  
 سنة منه وستين  
 وترين بيرخ قموز ولعن  
 مري علما من يشنا القبرو  
 ذا ومن يفتحه حشى [و]  
 ولده ولعن من يقبر و [يعد] لي منه



Ini merupakan nas asli Imru' al-Qais yang bertarikh kurun ketiga<sup>8</sup>.



(هذا قبر امرئ القيس بن عمرو ملك العرب كلهم الذي تقلد التاج. واخضع قبيلتي أسد ونزار وملوكهم وهزم مذحج وقاد الظفر إلى أسوار نجران مدينة شمر واخضع معدا واستعمل بنيه. على

القبائل ووكلمهم فرساناً للروم فلم يبلغ ملك مبلغه إلى اليوم. توفي سنة 223 م في 7 من أيلول  
(كسول) وفق بنوه للسعادة", عام 223 بتقويم بصرى)

Ini pula nas asli Ummu al-Jamal yang bertarikh pada kurun yang kelima Masehi<sup>9</sup>:

ΗCΤΗΛΗΑΥΤΗΦΕ  
ΡΟΥCΟΛΛΕΟΥ  
ΤΡΟΦΕΥCΓΑΔΙ  
ΜΑΘΟΥΒΑCΙΛΕΥC  
ΘΑ ΝΟΥΗΝΩΝ

ܡܬܠܡܢ ܕܡܠܟܐ ܕܪܘܡ  
ܕܡܠܟܐ ܕܡܠܟܐ ܕܪܘܡ  
ܕܡܠܟܐ ܕܡܠܟܐ ܕܪܘܡ  
ܕܡܠܟܐ ܕܡܠܟܐ ܕܪܘܡ

Jika dilihat perkataan yang menyerupai kalimah 'الله' sama sekali tidak bermaksud Allah.

### Bahasa Aramaic Merupakan Bahasa Kitab-Kitab Terdahulu Sebelum Al-Quran

Sekiranya Arab Jahiliyah tidak menggunakan perkataan الله terhadap nama-nama tuhan mereka, bagaimana pula kitab-kitab Zabur(Psalms), Taurat(Torah) dan Injil(Bible) menggunakan kalimah الله. Untuk pengetahuan umum kitab-kitab ini telah diturunkan dengan menggunakan Bahasa Aramaic BUKANNYA DALAM BAHASA HEBREW ATAU YUNANI.Orang-orang Yahudi pada waktu itu cuba mencampurkan Bahasa Aramaic dan Bahasa Pheonix (iaitu Bahasa Kan'an di Palestin) ke dalam bahasa mereka kerana kebanyakan bangsa yahudi adalah merupakan jurutulis pada ketika itu<sup>10</sup>. Bahasa Aramaic ini disebut di dalam bahasa Arab الأرامية, Bahasa Aramaic ini sudah tentu bahasa yang telah digunakan di dalam Zabur atau Taurat atau Injil yang telah mengalami beberapa perubahan dari sudut penggunaan Bahasa kerana turunnya kitab-kitab ini bukannya kepada umat yang sama bahkan diturunkan kepada berlainan umat yang mempunyai jangka waktu yang berbeza. Oleh itu terdapat perbezaan dari sudut sebutan dan



penulisan kerana yang berubah itu hanyalah dialek tetapi bahasanya tetap sama iaitu Bahasa Aramaic. Jika dilihat dari skop yang lebih luas, Aramaic berasal dari perkataan 'Aram' yang merupakan salah seorang anak Sam bin Nuh<sup>11</sup>. Nama 'Aram' juga adalah nama lama bagi Damsyik atau disebut pada asalnya Dar Mashqi<sup>12</sup>. Ini menjelaskan kepada kita bahawa Damsyik merupakan kota Bahasa Aramaic<sup>13</sup>.

---

Para sarjana Barat percaya bahawa di sebabkan kitab-kitab suci ini (selain al-Quran) diturunkan ke dalam bahasa Aramaic, maka Bahasa Aramaic telah menjadi Bahasa lingua franca di kalangan masyarakat zaman dahulu, yang mana ia juga adalah bahasa asal bagi Bahasa Hebrew (Ibrani). Pada hakikatnya kenyataan ini agak longgar memandangkan bahasa Hebrew merupakan gabungan di antara Bahasa Aramaic dan Bahasa Phenique (Bahasa orang-orang Kan'an yang merupakan penduduk asal Palestine). Orang-orang Yahudi yang hanya muncul tahun ke 2000 sebelum masehi telah berhijrah dari tempat asal mereka iaitu berhampiran padang pasir di Jordan menuju ke Palestine yang mana ketika itu penduduk Palestine terdiri di kalangan bani Israel dan Kan'aan (Isra'il adalah nama kedua bagi Nabi Yaakub, manakala Bani pula bermaksud anak-anak beliau) dan Kan'an pula merupakan kaum dipercayai menyembah patung-patung). Orang-orang Yahudi melihat peluang untuk mendapat tempat di dalam masyarakat tersebut mereka perlu mempunyai identiti tersendiri iaitu dengan cara menggabungkan kedua-dua Bahasa (Aramaic dan Phenique) ke dalam Bahasa mereka. Ini kerana Bahasa Aramaic, Babylon Akkadiah, Sumerian dan Phenique merupakan bahasa-bahasa yang diiktiraf oleh umat terdahulu. Dalil yang jelas dengan penemuan-penemuan batu-batu bersurat (Cuneiforms) yang bertarikh 4000 tahun sebelum Masehi adalah dipercayai yang paling lama ditemui yang mempunyai tulisan Babylon Akkadiah adalah 'Epik Gilgamesh'<sup>14</sup>. Ia merupakan kisah seorang raja yang

bernama Gilgamesh adalah antara 3000 batu bersurat yang telah ditemui di Mesopotamia oleh seorang lelaki berbangsa Inggeris bernama George Smith pada tahun 1873<sup>15</sup>. Beliau berpendapat di antara 3000 batu-batu bersurat yang telah dijumpainya batu bersurat Epik Gilgamesh lah yang paling lengkap dari sudut penceritaanya. Batu bersurat ini telah menyebut perihal banjir besar Nabi Nuh, antaranya Raja ini menyebut *'datuk aku dahulu telah membina kapal yang cukup besar disebabkan terdapat banjir besar, dan nama datuk aku itu adalah Utu Nabishteem'*<sup>16</sup>. Jika dianalisa, kenyataan ini tidak jauh maksudnya dengan kisah 'Taufan' yang terdapat di dalam di dalam Taurat kecuali nama orang yang membina kapal besar adalah berbeza manakala di dalam Taurat disebut 'Nuh'. Jelas terdapat cerita yang sama tapi nama berbeza ini kemungkinan dialek atau gelaran terhadap seseorang itu berdasarkan cara pemikiran setiap bangsa berdasarkan masa dan tempat tinggal. Namun begitu ahli sarjana Barat tidak mengiktiraf 'Epik Gilgamesh' ini sebagai dokumen tertua dunia bagi mereka Illiad dan Odesi yang ditulis oleh Homer itulah yang tertua. Namun sikap ahli-ahli sarjana Barat ini telah ditegur oleh Professor B. Landsberger pakar dalam Bahasa-bahasa tua dunia pada tahun 1958 ketika muktamar yang ke tujuh tentang Bahasa-bahasa yang terdapat di batu-batu bersurat yang dijumpai oleh mereka telah diadakan di Paris<sup>17</sup>. Beliau mengatakan sudah tiba masanya barat mengiktiraf 'Epik Gilgamesh' sebagai bahan rujukkan tertua dunia dan bukannya Illiad dan Odesi oleh Homer. Jika dilihat sepintas lalu laras Bahasa di dalam syair-syair yang terdapat di dalam Illiad dan Odesi menyerupai teknik laras Bahasa di dalam syair-syair Arab, begitu juga pada peringkat awal Syair-syair di dalam Illiad dan Odesi adalah tanpa tulisan ianya dihafal seperti Syair-Syair Arab jahiliyah<sup>18</sup>. Maka keadaan ini diperkukuhkan lagi oleh kenyataan Professor Barry B. Powel dalam bukunya *'Homer and the Origin of Greek Alphabet'* menyebut bahawa tulisan asal Greek berasal dari Palestin iaitu terpengaruh dengan Bahasa Pheonix yang digunakan oleh orang-orang Ka'aan<sup>19</sup>. Dalil yang

dapat dilihat mengikut professor ini lagi pada mulanya tulisan Greek adalah dari kanan ke kiri, kemudian ditukar kiri ke kanan seperti sekarang ini, selain itu Bahasa Greek juga mempunyai sebutan seperti sebutan `ain` yang mana sebutan ini sama sekali tidak terdapat di dalam mana-mana Bahasa Indo-European<sup>20</sup>.

Professor Taha Bakir, merupakan orang Arab pertama yang cuba menterjemahkan `Epik Gilgamesh` ke dalam Bahasa Arab pada tahun 1953<sup>21</sup> berpendapat perterjemahan Bahasa Babylon Akkadiyah ke Bahasa Arab lebih senang dan cepat berbanding penterjemahannya ke dalam Bahasa Inggeris ini kerana laras Bahasa dalam bahasa Babylon Akkadiyah dalam `Epik Gilgamesh` mempunyai penggunaan dalam Bahasa arab seperti musanna (bermaksud benda yang dua), Jamak (benda yang banyak), muzakkar (menunjukkan lelaki), muannas (menunjukkan perempuan) dan begitu juga penggunaan domir (bermaksud nya atau ia)<sup>22</sup>. Selain itu batu bersurat Raja Hamurabi yang dikenali sebagai `Syariat Hamurabi`<sup>23</sup> yang bertarikh 1800 tahun sebelum masihi juga ditulis menggunakan bahasa Babylon Akkadiyah yang mana maklumat yang terdapat didalamnya cukup untuk membuktikan bahawa kerajaan dibawah pimpinan Raja Hamurabi ini adalah maju sebagai contoh sistem persekolahan untuk kanak-kanak telah dibincangkan didalam syariat ini, selain itu syariat Hamurabi ini juga telah meletakkan wanita ditempat yang mulia dengan memberi peluang kepada wanita-wanita bekerja di luars selain menjaga kehormatan. Sehingga sesetengah sarjana Barat berpendapat Syariat Nabi Musa terpengaruh dengan `Syariat Hamurabi` yang muncul 800 tahun lebih awal<sup>24</sup>.

Dari kajian-kajian yang dibincangkan, jelaslah kepada kita bahawa Bahasa Aramaic bukanlah Bahasa lingua franca bagi umat terdahulu, kerana di sana terdapat Bahasa-bahasa yang lebih luas penggunaannya di dalam pentadbiran kerajaan masa lampau. Jadi penggunaan Bahasa Aramaic di dalam Zabur, Taurat, Injil atau mana-mana kitab-kitab orang-orang Yahudi seperti Talmud adalah penggunaan Bahasa yang terpencil, ia digunakan untuk umat bangsa itu sahaja. Dan perlu diingat, setiap Bahasa perlu melalui proses berdikit-dikit untuk menjadi satu bentuk laras Bahasa yang sempurna kerana sifat Bahasa itu sendiri 'incomplete rules' diperingkat asalnya samada sebutan bunyi ataupun gerakan penulisan ini kerana perkembangan Bahasa mesti berdasarkan perkembangan pemikiran bangsa tersebut.

### Proses Penulisan Bahasa Fushah

Penulisan lengkap Bahasa Arab Fushah bermula di zaman Khalifah ar-Rashidin yang ke empat iaitu ketika pemerintahan Sayyidina Ali bin Abi Talib ketika beliau meminta Abu al-Aswad ad-Duali (wafat 69 H) membuat satu sistem penulisan untuk mengelak dari kesalahan berbahasa Arab. Sebagaimana arahannya terhadap jurutulisnya dari kabila Bani Abdu Qafsi<sup>25</sup>:

إذا رأيتني قد فتحت شفتي بالحرف فانقط نقطة فوقه على أعلاه، وإن ضمت شفتي بالحرف فانقط نقطة بين يدي الحرف، وإن كسرت شفتي فاجعل النقطة من تحت الحرف، فإن أتبعته شيئاً من ذلك غنة (تنويناً) فاجعل النقطة نقطتين"

yang bermaksud *`Jika anda melihat saya telah membuka bibir saya secara literal maka letaklah titik di atas, tetapi sekiranya saya menggabungkan bibir saya secara literal maka hendaklah titik di tengah antara baris atas dan baris bawah, sekiranya saya melakukannya dengan bacaan bibir bawah maka letakkan titik dari bawah, dan jika saya menyambung bacaan kepada kalimah yang lain maka hendaklah dimasukkan atau ditanwin dengan membuat dua titik`.*



Sistem ini direka oleh Abu al-Aswad ad-Duali kerana kesalahan nahu dalam Bahasa Arab pada ketika itu merupakan suatu bala yang besar kepada bangsa Arab sehinggakan Hajjaj Yusuf as-Thaqafi<sup>26</sup> merupakan seorang ahli bahasa yang hebat telah melakukan kesalahan nahu Arab ketika membaca surah at-Taubah ayat 24:

"قُلْ إِنْ كَانَ آبَاؤُكُمْ وَأَبْنَاؤُكُمْ وَإِخْوَانُكُمْ وَأَزْوَاجُكُمْ وَعَشِيرَتُكُمْ وَأَمْوَالٌ اقْتَرَفْتُمُوهَا وَتِجَارَةٌ تَخْشَوْنَ كَسَادَهَا وَمَسَاكِينُ ثَرْوَتِهَا أَلْحَبُّ إِلَيْكُمْ مِنْ اللَّهِ وَرَسُولِهِ وَجِهَادٍ فِي سَبِيلِهِ فَتَرَبَّصُوا حَتَّى يَأْتِيَ اللَّهُ بِأَمْرٍ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْفَاسِقِينَ".

Perkataan yang bergaris adalah أَلْحَبُّ telah di marfu' iaitu dengan baris hadapan iaitu dibaca أَحَبُّ, sebetulnya perlu dibaris atas kerana merupakan khabar kepada كَانَ yang berada dipermulaan ayat tersebut. Dari kisah ini dapat difahami bahawa kesalahan nahu telah berlaku disebabkan tidak ada sistem penulisan yang lengkap seperti zaman Khalil Ahmad al-Farahidi (wafat 117 H). Zaman sebelum Khalil adalah zaman Qura' yang telah meletakkan tanda-tanda bacaan samada di dalam huruf abjadiah dalam bentuk titik atau meletakkan tanda bacaan di setiap akhir perkataan Arab untuk membezakan antara bacaan baris atas, bawah, hadapan, tashdid atau mati<sup>27</sup>. Jika ini keadaannya ini bermakna penulisan ketika zaman Rasulullah SAW (wafat 1 H) adalah penulisan yang tidak mempunyai titik untuk membezakan antara ن, ت, ب, ث, atau ج, ح, خ, atau ص, ض, atau س, ش atau ذ, د, ف, ق, or ز, هـ, or و, ك, م, ا, ل, Huruf-huruf ini dikenali sebagai Huruf Mu'jamah, adapun selain dari huruf-huruf ini dikenali sebagai huruf Muhmalah seperti ل, ا, م, ك, و, .

Jelaslah penulisan Bahasa Arab tidaklah lengkap sebelum zaman Sayyidina Ali bahkan kaedah-kaedah penulisan Arab dan nahunya secara rasmi hanya sempurna ketika di zaman Qura' atau tabi' tabien, iaitu orang yang mula-mula memperkenalkan konsep kaedah Kias dalam nahu Arab adalah Abu Ishak al-Hadrami ( wafat 117 H) iaitu sesudah kewafatan Abu Aswad ad-Duali maka lahirnya Abu Ishak al-Hadrami. Shawqi Daif seorang penulis terkenal berbangsa Mesir telah mempertikaikan kenyataan perawi-perawi yang menyebut bahawa Sayyidina Ali yang telah

mencipta nahu Arab dan tulisannya, beliau melihat pandangan ini sebagai satu propaganda pihak Syiah untuk meninggikan taraf Sayyidina Ali<sup>28</sup>. Beliau berpendapat Sayyidina Ali tidak mempunyai masa yang cukup untuk berfikir mencipta kaedah penulisan dan tatabahasa Arab, ini kerana beliau terlalu sibuk dengan urusan kenegaraan seperti melatih tentera ke medan perang, menyelesaikan masalah Khawarij dan urusan memperluaskan sempadan. Jika diamati memang agak tidak masuk akal sekiranya Sayyidina Ali yang mencipta kaedah nahu dan cara penulisannya. Bukan itu saja, malah Aswad ad-Duali yang merupakan Hakim dan ahli Bahasa Basrah ketika itu hanya sempat mencetuskan idea perletakkan titik terhadap setiap huruf Mu'jaham dan titik di setiap perkataan Bahasa Arab untuk menandakan samada bacaannya baris bawah atau baris atas atau baris hadapan atau baris mati sahaja<sup>29</sup>. Adapun kerja-kerja menyempurnakan kaedah nahu dan penulisan lengkap adalah dilakukan oleh murid-muridnya.

## Penutup

Dari keterangan diatas jelaslah kepada kita bahawa penulisan Arab lengkap tidak pernah berlaku di zaman Rasullulah SAW bahkan juga tidak berlaku di zaman Khulafah ar-Rashidin. Jika begini keadaannya bagaimana pula tulisan Kalimah 'Allah' ini sudah diguna pakai oleh Arab Jahiliyyah sedangkan ia merupakan satu kata nama terbitan yang eksklusif untuk al-Quran sahaja hasil dari penghafaz-penghafaz yang berkaliber tanpa penulisan pada peringkat awalnya. Jelaslah bahawa Kalimah 'Allah' hanyalah untuk orang yang menganut agama Islam sahaja.

---

<sup>1</sup> Sila lihat Ibnu al-Manzur 'Lisan al-Arab', Beirut: Dar al-Ilmiyah, Juz 1, ms. 187-194.

<sup>2</sup> Ibid, ms 189

<sup>3</sup>Ibid, ms 188.

<sup>4</sup>Ibid, ms. 184.

<sup>5</sup>Dipetik dari [www.gudamaa.com/vb/t19131.html](http://www.gudamaa.com/vb/t19131.html) at 28/2/2014

<sup>6</sup>Dipetik dari [www.gudamaa.com/vb/t19131.html](http://www.gudamaa.com/vb/t19131.html) at 28/2/2014

<sup>7</sup>Dipetik dari <http://www.hurras.org/vb/showthread.php?t=42984>

<sup>8</sup>Dipetik dari <http://www.hurras.org/vb/showthread.php?t=42984>

<sup>9</sup>Dipetik dari <http://www.hurras.org/vb/showthread.php?t=42984>.

<sup>10</sup>Majid Khair Bik, al-Lughah al-Arabiyah Juzuruha, Intisharuha, Ta'siruha Fi as-Sharqi Wa al-Gharbi, Damsyik: Dar Sa'adu al-Din, 1992, ms. 46.

<sup>11</sup>Jawad Ali, al-Mufasssal Fi Tarikh al-Arab Qabla al-Islam, 1972, Juz 1, ms 224

<sup>12</sup>Majid Khair Bik, al-Lughah al-Arabiyah Juzuruha, Intisharuha, Ta'siruha Fi as-Sharqi Wa al-Gharbi, Damsyik: Dar Sa'adu al-Din, 1992, ms. 29

<sup>13</sup>Taha Baqir, Wadi an-Nil, 1956, Ms. 271-272.

<sup>14</sup>Taha Baqir, *Malhamah al-Gilgamesh: The Oddesy of Ancient Iraq*, E-Book dipetik dari [www.A-Olaf.com](http://www.A-Olaf.com), 1952.

<sup>15</sup>S.N. Kramer, *History Begins At Sumer*, 1959, ms. 182.

<sup>16</sup>Taha Baqir, *Malhamah al-Gilgamesh: The Oddesy of Ancient Iraq*, ms 85-89.

<sup>17</sup>Ibid, ms 10.

<sup>18</sup>Barry B. Powell, *Homer and the Origin of the Greek Alphabet*, 1991,ms. 9-15, 187-189.

<sup>19</sup>Helevyi berpendapat Bahasa orang-orang Ka'an adalah Bahasa Phieoniq, sila lihat D.S. Margoliouth, *The Relations Between Arabs and Israelites prior to the Rise of Islam* (London: Oxford University, 1924), p. 11.

<sup>20</sup>Barry B. Powell, *Homer and the Origin of the Greek Alphabet*, USA: Cambridge University Press,1991, ms. 9-15.

<sup>21</sup>Taha Baqir, *Malhamah al-Gilgamesh*, ms 30-32.

<sup>22</sup>Taha Baqir, *Malhamah al-Gilgamesh*, ms 30-32, Majid Khair Bik, al-Lughah al-Arabiyah Juzuruha, Intisharuha, Ta'siruha Fi as-Sharqi Wa al-Gharbi, Damsyik: Dar Sa'adu al-Din, 1992, ms. 20-22. Alfred Felix Beeston, *The Evolution of The Arabic Language*, di dalam buku *Arabic Literature To The End of The Umayyad Period*, 198, ms. 1, Georges Roux .(1965). *Ancient Iraq*, London: George Allen and Unwin LTD, 1965, ms. 124.

<sup>23</sup>Jurji Zaydan, *Tarikh Adab al-Lughah al-Arabiyah*, Kaherah: Dar al-Hilal, 1911, p. 24.

<sup>24</sup>Majid Khair Bik, al-Lughah al-Arabiyah Juzuruha, Intisharuha, Ta'siruha Fi as-Sharqi Wa al-Gharbi, Damsyik: Dar Sa'adu al-Din, ms. 16-17.

<sup>25</sup>As-Sirafi, *Akhbar an-Nahwiyyina al-basriyyina*, Tahqiq Muhammad Ibrahim al-bana, Kaherah: Dar al-Usama`1985, ms. 35.

<sup>26</sup>Ibid, ms. 41, Shawqi Daif, *al-Madaris an-Nahwiyah*, Kaherah: Dar al-Maarif, 1995, ms.12.

<sup>27</sup>Ibid, ms.17.

<sup>28</sup>Ibid, ms. 14.

<sup>29</sup>Ibid, ms. 17.